

0750

U B641 AAB  
MAHATHIR - BN R R R R

KUALA LUMPUR, 30 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA USAHA-USAHA YANG LEBIH PERLU DILAKUKAN BAGI MENINGKATKAN LAGI KERJASAMA MENYELURUH YANG WUJUD DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN).

BELIAU BERKATA KERJASAMA BN SECARA MENYELURUH, SEPERTI YANG TERDAPAT SEKARANG, IALAH CARA YANG PALING SESUAI UNTUK MENGATASI APA JUA MASALAH DALAM MENTADBIR DAN MEMBANGUNKAN NEGARA.

+KERJASAMA SECARA MENYELURUH DI KALANGAN KOMPONEN BN INI TELAH BERJALAN BEGITU LAMA DAN MEMBAWA BANYAK MANFAAT KEPADA BN, + KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE-36 MCA DI WISMA MCA, DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA KONSEP MUAFAKAT DAN KERJASAMA PENTING DAN DENGAN WUJUDNYA SEMANGAT INGIN BEKERJASAMA, KEIKHLASAN DAN DENGAN MEMENTINGKAN HANYA KEPADA KEPENTINGAN NEGARA DAN MAJORITI RAKYAT, HALANGAN-HALANGAN YANG DIHADAPI DAPAT DIATASI.

+DALAM BN, KITA SEMUA HARUS MENGAKUI BAHAWA KITAPUN SEKALI-SEKALA MENGHADAPI HALANGAN UNTUK BERMUAFAKAT, + KATA BELIAU.  
- - LAGI

1229MST 30 07 89

D755

UB644 A A B  
MAHATHIR - BN 2 KUA'LA LUMPUR R R R R

+APA YANG PENTING IALAH KITA DALAM BN DAPAT BEKERJASAMA UNTUK MENGHADAPI KEBANYAKAN PERKARA ATAU MASALAH.

+APA-APA RINTANGAN MERUPAKAN PERKARA YANG SEMENTARA, YANG AKHIRNYA DAPAT KITA SELESAIKAN DENGAN CARA YANG TIDAK MERUGIKAN NEGARA DAN TIDAK MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN DI KALANGAN KITA ATAU KAUM-KAUM DI MALAYSIA, + KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KONSEP MUAFAKAT DAN KERJASAMA DALAM BN JELAS TERGAMBAR SEMASA PILIHAN RAYA-PILIHAN RAYA KECIL SEMENJAK AKHIR TAHUN LALU SAMBIL MENAMBAH BAHAWA PRESTASI BN ADALAH MEMUASKAN.

KATANYA, BN TIDAK SEMESTINYA MEMENANGI SEMUA PILIHAN RAYA KECIL YANG DIADAKAN TETAPI APA YANG DIPERLUKAN IALAH KEMENANGAN DIKEBANYAKAN PILIHAN RAYA ITU.

+KEPUTUSAN-KEPUTUSAN PILIHAN RAYA ITU SEKURANG-KURANGNYA MEMBUKTIKAN TIGA PERKARA IAITU SOKONGAN RAKYAT KEPADA BN KUAT, KONSEP MUAFAKAT BN BERFUNGSI DENGAN BAIK DAN DEMOKRASI TETAP HIDUP, + KATANYA. -- LAGI

1243MST 30 07 89

D760

u 8648 AAB  
MAHATHIR - BN 3 KUALA LUMPUR R R R R

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA DEMOKRASI AKAN TERUS HIDUP DI BAWAH PEMERINTAHAN BN.

KATANYA, BEBERAPA MASA DAHULU TERDAPAT GOLONGAN YANG MENUDUH KONONNYA TIDAK ADA DEMOKRASI DI NEGARA INI, TETAPI APABILA BERLAKU PILIHAN RAYA KECIL DAN PROSES PILIHAN RAYA ITU BERJALAN DENGAN TERATUR SERTA TERDAPAT PARTI PEMBANGKANG YANG MEMENANGINYA, MEREKA YANG HEBOH MENGATAKAN DEMOKRASI TELAH MATI MALU PULA UNTUK MENGATAKAN DEMOKRASI MASIH SEGAR.

+WALAU BAGAIMANAPUN, RAKYAT RAMAI YANG JARANG BERSUARA MASIH YAKIN YANG DEMOKRASI TELAH DAN AKAN HIDUP BERTERUSAN DI NEGARA INI,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BN TIDAK MENGHALANG MANA-MANA PARTI KOMPONENNYA YANG INGIN MENGADAKAN KERJASAMA DI PERINGKAT KEDUA SESAMA SENDIRI.

KATANYA, MUNGKIN KERJASAMA SEPERTI ITU AKAN MEMBAWA MANFAAT KEPADA BN SECARA KESELURUHANNYA. -- LAGI  
1258MST 30 07 89

D762

U B649 AAB  
MAHATHIR - BN 4 KUALA LUMPUR R R R R

APA YANG DIHARAPKAN IALAH SEKIRANYA KERJASAMA DI PERINGKAT KEDUA ITU MENIMBULKAN RASA SANGSI DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN YANG LAIN, PARTI-PARTI YANG TERLIBAT DENGAN KERJASAMA PERINGKAT KEDUA, ITU HARUS CUBA MENGELAKKAN TIMBULNYA PERASAAN ITU DENGAN MENGUTAMAKAN KERJASAMA BN YANG MENYELURUH SEPERTI YANG TERDAPAT SEKARANG, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERHARAP PERHIMPUNAN AGUNG MCA TAHUN INI MENANDAKAN PERKEMBANGAN YANG LEBIH KUKUH BAGI PARTI ITU KERANA KEKUKUHAN MCA MEMBERI SUMBANGAN BERMAKNA KEPADA KEUTUHAN BN DAN KERAJAAN.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS PERASMIAN ITU IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA, PRESIDEN MIC DATUK SERI S.SAMY VELLU DAN PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAIK. -- BERNAMA  
1303MST 30 07 89